

28 JUN, 2022

## Pengekalan tarif elektrik, air tambah beban kerajaan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Pengekalan tarif elektrik, air tambah beban kerajaan



**Bebanan kewangan meningkat susulan harga bahan api lebih tinggi**

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Keputusan** kerajaan tidak menaikkan kadar tarif elektrik dan air di Semenanjung akan mem-

beri tambahan beban kepada kewangan negara.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Sean Lim, berkata keputusan yang dibuat oleh kerajaan itu adalah sesuatu di luar jangkaan kerana pasaran awalnya menjangkakan kadar tarif lebih tinggi untuk bahagian komersial dan perindustrian, manakala segmen tempatan terus mendapat subsidi.

Katanya, kerajaan sebelum ini menyokong kerangka kerja Mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) untuk memasak Tenaga Nasional Bhd (TNB) masih mampu mencatat perole-

han terkawal.

"Namun, membiarkan kadar tarif pada paras yang sama hanya akan mendatangkan beban lebih besar kerana harga bahan api yang masih lagi tinggi.

"Walaupun pemberian subsidi kepada pengguna tempatan sebelum ini dibayai oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), kami tidak pasti sama ada ia dapat dijalankan secara mampu dalam situasi sekarang ini," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Kerajaan memutuskan untuk tidak menaikkan kadar tarif elektrik dan air di Semenanjung,

manakala ICPT akan terus dilaksanakan untuk tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022. Langkah itu dilaksanakan ba-gi memastikan rakyat tidak terbeban.

Suraj tarif elektrik bagi pengguna domestik pada masa ini kekal pada 3.7 sen per kilowatt jam (kWh) dengan rebat dua sen per kWh tanpa sebarang suraj, manakala pengguna bukan domestik daripada sektor komersial dan industri akan dikenakan suraj 3.7 sen per kWh.

Mengulas lanjut, Lim berkata, pelaksanaan ICPT akan menyebabkan TNB menanggung caj ICPT bernilai RM4.5

billion pada separuh kedua 2021 dan RM3.5 billion pada suku pertama tahun ini.

Beliau berkata, harga arang batu mencatat paras purata AS\$165.50 satu ton manakala harga minyak meningkat pada RM30 hingga RM36.90 minit pada suku pertama 2022.

"Justeru, pinjaman ICPT mungkin terus meningkat jika harga bahan api kekal tinggi pada separuh kedua ini.

"Aliran tunai operasi akan berada dalam tekanan lebih besar jika kerajaan tidak dapat membayar subsidi tetap pada masanya," katanya.